

## UMS-SIL Lanjut MoU, Mahu Teroka Pelbagai Ruang Penyelidikan

Terakhir dikemaskini: Rabu, 20 Februari 2019 14:13 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 199

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



**RABU, 20 FEBRUARI**  
 – Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) telah

menandatangani perjanjian pembaharuan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Summer Institute Of Linguistic (SIL) Malaysia dalam satu majlis yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Utama, PPIB pagi tadi.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin berkata, pembaharuan MoU yang telah berlangsung sejak 2013 itu adalah sejajar dengan saranan Kementerian Pendidikan Malaysia agar universiti awam sentiasa bekerjasama dengan agensi luar dan antarabangsa.

“Selari dengan saranan ini, PPIB dan SIL sejak beberapa tahun ini telah menjayakan pelbagai siri usaha dan aktiviti dengan melibatkan sumber kepakaran dari kedua-dua pihak.

“Salah satu daripada kerjasama penyelidikan antarabangsa adalah “Ethnologue Review of Language in Sabah” dengan hasil kerjasama tersebut telah mengangkat banyak bahasa etnik Sabah yang tidak diketahui atau masih dalam kajian ke hadapan,” katanya.

Teks ucapan beliau disampaikan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS, Prof. Dr. Rasid Mail.

Menurut Prof. Datuk Dr. Kamarudin, satu lagi usaha penyelidikan berskala besar UMS – SIL sebelum ini adalah berkaitan penekanan terhadap pendidikan bahasa ibunda di peringkat pra sekolah di Sabah yang melibatkan *United Nations Children's Fund (UNICEF)* dan *Partners of Community Organizations in Sabah (PACOS) Trust*.

“Dengan kolaborasi penyelidikan sedemikian membuktikan bahawa masih banyak yang diperlukan di Sabah, dan apabila semakin ramai penglibatan pakar-pakar sudah pasti semakin baik hasil yang diperolehi.

“Justeru itu, diharapkan melalui pembaharuan kerjasama pada hari ini lebih banyak peluang penyelidikan baru dapat diwujudkan dan diterokai,” ujar beliau.

Pada majlis itu Prof. Dr. Rasid Mail turut mewakili Naib Canselor menandatangani dokumen pembaharuan MoU, manakala SIL diwakili oleh Presiden SIL Malaysia, Timothy Carl Phillips.

Turut menyaksikan pemeteraian pembaharuan MoU itu Dekan PPIB, Prof. Dr. Jualang Azlan Gansau; Pemegang Kursi KadazanDusun, Prof. Madya Dr. Andreas Totu; Ketua Kluster Kebudayaan, Warisan dan Seni dari Borneo Institute for Indigenous Studies (BORIIS) Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Prof. Dr. Jacqueline Pugh Kitingan; Timbalan Pendaftar UMS, Mohd Zaidie Adilai; dan Koordinator Linguistik SIL Sabah, Dr. Mark Miller.